

INI ADALAH PENTERJEMAHAN TIDAK RASMI



DASAR PEMBERIAN MAKLUMAT (Setakat 1 Mac 2021)

1 Latar Belakang

Malaysia Smelting Corporation Berhad dan syarikat subsidiari, termasuk Rahman Hydraulic Tin Sdn Bhd (“RHT”) dan SL Tin Sdn Bhd (“SL Tin”) (secara kolektif “Kumpulan MSCB” atau “Kumpulan”) komited untuk menjalankan urusan niaga syarikat mengikut piawai tertinggi daripada segi keprofesionalan, integriti, etika, ketelusan dan kebertanggungjawaban. Sewajarnya, Kumpulan telah mewujudkan satu Dasar Pemberian Maklumat (“Dasar”) dan ia telah dikemas kini seperti berikut.

2 Tujuan dan Skop

Objektif dasar ini adalah:

- i. Menyediakan jalan yang selamat dan sulit bagi mana-mana individu melaporkan sebarang kekhawatiran yang tulen tentang salah laku, kesalahan, penyelewengan, penipuan atau penyalahgunaan yang disyaki atau nyata;
- ii. Membangunkan kebudayaan integriti dan kebertanggungjawaban dalam Kumpulan; dan
- iii. Meyakinkan bakal Pemberi Maklumat bahawa mereka akan dilindungi daripada sebarang tindakan balas kerana membuat laporan yang relevan. Selanjutnya, pemberi maklumat tidak akan dikenakan sebarang tindakan disiplin dengan syarat laporan yang dibuat tidak dibuat dengan niat jahat, secara sengaja atau sembarangan.

Dasar ini menyatakan tatacara dan panduan tentang:

- (a) Penerimaan, pengekalan, dan layanan terhadap pemberian maklumat yang diterima oleh Kumpulan berkenaan sebarang perbuatan melanggar etika, penipuan, salah laku, kesalahan, penyelewengan dan atau penyalahgunaan yang nyata atau disyaki, sama ada diserahkan oleh pekerja atau pihak ketiga berkaitan dengan pelaksanaan perniagaan-perniagaan Kumpulan;
- (b) penyerahan oleh kakitangan Kumpulan dan individu-individu lain, atas dasar sulit dan dengan suci hati berkenaan perkara yang disebut di atas, kerana ini memberi perlindungan tambahan kepada pemberi maklumat yang tampil ke depan dengan maklumat yang relevan;
- (c) niat kumpulan untuk mengenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penamatan perkhidmatan, mana-mana individu yang didapati mengambil tindakan balas terhadap pemberi maklumat,
- (d) kegiatan salah atau kesalahan lain.

3 Definisi

Bagi tujuan Dasar ini, terma berikut diberi definisi seperti:

- (a) **Suci Hati**– Suci hati ternyata apabila laporan dibuat tanpa niat jahat atau pertimbangan terhadap faedah peribadi dan pekerja itu mempunyai munasabah berpatutan bahawa laporan itu benar. Sungguhpun begitu, sebuah laporan tidak perlu dibuktikan benar untuk dilakukan dengan suci hati. Suci hati tidak mencukupi apabila ia diketahui bahawa laporan itu berniat jahat atau palsu.
- (b) **Salah laku**- Contoh salah laku termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penipuan, termasuk penipuan kewangan atau penipuan akaun, pelanggaran undang-undang

dan peraturan, pelanggaran dasar dan prosedur Kumpulan, tingkah laku yang tidak jujur dan tidak beretika, kecuaiian dalam menjalankan tanggungjawab, dan perbuatan penyelewengan (seperti menerima rasuah/sogokan, memalsukan dokumen, mendapatkan penarikan tender secara haram dll.)

- (c) **Pemberi Maklumat** – Mana-mana pengarah, pegawai, pekerja, kontraktor, pembekal, atau pelanggan Kumpulan dan mana-mana individu lain yang membuat, cuba membuat atau ingin membuat laporan berkaitan sebarang salah laku berkenaan pengendalian urus niaga Kumpulan.

Dasar ini membuat anggapan bahawa pekerja akan bertindak dengan suci hati dan tidak akan buat tuduhan palsu ketika melaporkan salah laku oleh teman sekerja. Mana-mana pekerja yang membuat kenyataan atau pemberitahuan secara sengaja atau sembarangan yang bukan dengan suci hati mungkin dikenakan tindakan disiplin, yang mungkin merangkumi penamatan perkhidmatan.

4 Melaporkan Salah Laku

(a) *Siapa Boleh Melakukan Pendedahan*

Sesiapa antara individu berikut boleh melakukan pendedahan:

- Pengarah Kumpulan, pekerja, termasuk pekerja kontrak, pekerja sementara atau jangka pendek dan pekerja yang dipinjamkan, di mana berkenaan;
- Orang yang melaksanakan perkhidmatan atau pembekal Kumpulan, termasuk kontraktor, pembekal perkhidmatan dan pembekal barangan;
- Orang awam yang merupakan orang sebenar, bukan badan berkanun mahupun tidak berkanun.

Pemberi maklumat digalakkan mendedahkan identiti mereka ketika membuat laporan. Ini akan membolehkan Kumpulan membuat penyiasatan, jika perlu. Laporan tanpa nama diterima tapi mungkin menghambat sebarang penyiasatan terhadap hal yang dilaporkan.

(b) *Apa Perlu Didedahkan*

Sebarang pendedahan boleh dilakukan oleh sesiapa, jika ia berkaitan dengan satu atau lebih dari satu salah laku berikut ketika melakukan perniagaan atau urusan Kumpulan. Senarai berikut tidak menyeluruh:

- Penerimaan pilih kasih;
- penyelewengan, penipuan;
- kesalahan jenayah;
- salah guna dana atau harta Kumpulan;
- salah urusan melampau dalam Kumpulan; dan
- ketaknalaran kewangan atau perbuatan yang tidak elok dalam Kumpulan.
- perbuatan atau peninggalan yang mewujudkan bahaya yang betul atau khusus kepada nyawa, kesihatan, atau keselamatan pekerja Kumpulan, orang awam, atau persekitaran;

- kegagalan untuk mematuhi peruntukan mana-mana Akta Parlimen yang relevan di mana individu yang bersalah, dengan sengaja, mengabaikan atau tidak mematuhi peruntukan tersebut; dan
- sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan mana-mana salah laku di atas.

Dasar ini tidak termasuk rungutan, pendedahan atau kebimbangan tentang:

- perkara yang bersifat remeh atau sambil lewa atau berniat jahat atau menyakitkan hati atau didorong oleh agenda peribadi atau niat jahat;
- rungutan peribadi berkenaan terma dan syarat pekerjaan mana-mana individu; atau aspek hubungan bekerja, aduan membuli atau gangguan, tindakan tatatertib atau perkara yang patut ditangani oleh bahagian Sumber Manusia;
- perkara yang belum selesai atau ditentukan melalui tindakan undang-undang disiplin Kumpulan;
- perkara yang belum selesai atau ditentukan melalui mana-mana tribunal atau pihak berkuasa atau mahkamah, penimbangtaraan atau tindakan undang-undang lain yang serupa.

Salah laku mungkin berlaku dalam proses urus niaga atau urusan atau mana-mana tempat kerja Kumpulan, cth., mana-mana tempat kerja yang berkenaan dengan urus niaga atau urusan Kumpulan, contohnya, di premis MSCB, di majlis anjuran MSCB, atau persidangan yang dihadiri oleh pekerja MSCB ketika menjalankan tanggungjawab kerja.

Jika individu yang membuat pendedahan tidak pasti sama ada sesuatu perbuatan atau peninggalan merupakan salah laku bawah Dasar ini, individu itu digalakkan mendapat nasihat atau bimbingan dari Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif (Pentadbiran), Pengurus Am Audit Dalaman Kumpulan atau Sumber Manusia Kumpulan dan Pengurus Pentadbiran.

(c) Bila Perlu Buat Pendedahan

Pemberi maklumat digalakkan tampil ke depan dan buat laporan dengan suci hati, memberi sebarang maklumat relevan termasuk keterangan dokumentar mengikut pengetahuan mereka dan atau dimiliki mereka untuk mendedahkan salah laku, yang kemungkinan sedang berlaku, sedang dilakukan, atau telah dilakukan.

Pemberi maklumat harus menunjukkan bahawa dia mempunyai munasabah berpatutan atas kekhawatiran mereka. Sungguhpun begitu, individu ini tidak dijangka untuk dapatkan bukti kukuh melampaui keraguan munasabah terlebih dahulu apabila membuat pendedahan. Jika individu ini tahu sebagai perkara fakta bahawa terdapat risiko serius salah laku akan berlaku, kebimbangan tulen ini harus dibangkitkan secepat mungkin.

Pendedahan harus dibuat secepat mungkin selepas mendapat maklumat atau dokumen yang berkaitan. Melambatkan pendedahan mungkin menjejaskan sebarang penyiasatan, dan menyukarkan MSCB menangani dan menyelesaikan kekhawatiran.

(d) *Bagaimana Harus Bermula*

Untuk memastikan pendedahan salah laku yang jelas dan efektif, garis panduan berikut patut dipegang sebaik mungkin apabila membuat pendedahan:

- Pendedahan harus dibuat dalam bentuk bertulis melalui mel atau e-mel kepada alamat berikut :

Pengerusi Jawatankuasa Audit
Malaysia Smelting Corporation Berhad
Lot 6, 8 &9, Jalan Perigi Nanas 6/1
Pulau Indah Industrial Park, West Port, Port Klang
42920 Selangor, Malaysia
Tel : +603 31023083 / Faks : +603 31023080
E-mel : whistleblower@msmelt.com

- Pendedahan harus berdasarkan fakta dan bukan spekulatif, dan mengandungi sebanyak mungkin maklumat khusus untuk membolehkan penilaian wajar tentang jenis dan takat keperluan tindakan segera pendedahan tersebut. Ia harus mengandungi sekurang-kurangnya butir-butir berikut:
 - jika pemberi maklumat adalah pekerja Kumpulan, nama, jawatan, majikan, alamat terkini dan nombor telefon untuk dihubungi; atau
 - jika pemberi maklumat bukan pekerja Kumpulan, nama, nama majikan dan jawatan, alamat terkini dan nombor telefon;
 - gambaran salah laku dengan sebanyak mungkin perincian yang berpatutan, contohnya, jenis, tarikh, masa dan tempat kejadian dan identiti individu yang didakwa bersalah;
 - dasar atau sebab kekhawatiran individu;
 - butiran saksi, jika ada; dan
 - butiran atau menyusun keterangan dokumentar, jika ada.

Pemberi maklumat mungkin diminta memberi keterangan dan maklumat lanjut dari semasa ke semasa, contohnya, jika penyiasatan dikendalikan.

Semua pendedahan akan dicatat menggunakan Laporan Penjejakan Pemberi Maklumat (lihat **Lampiran 1**)

5 Kerahsiaan

Kumpulan mengakui bahawa sesetengah individu mungkin membangkitkan kekhawatiran secara rahsia bawah Dasar ini. Kumpulan akan mengekalkan kerahsiaan individu yang membuat pendedahan secara menyeluruh dan boleh dilaksanakan secara berpatutan mengikut keperluan undang-undang yang sah, dan mana-mana penilaian atau penyiasatan yang berikutan. Sungguhpun begitu, dalam keadaan tertentu, ia mungkin ternyata siapa yang membangkitkan kekhawatiran dan membuat Laporan, atau proses penyiasatan mungkin memerlukan kenyataan atau individu tersebut dipanggil untuk mengemukakan bahan bukti. Dalam keadaan di mana mendedahkan kebenaran terhalang jika mengekalkan kerahsiaan, Syarikat tidak menjamin kerahsiaan sepenuhnya kepada pemberi maklumat.

6 Laporan Tanpa Nama

Laporan yang dibuat tanpa nama tidak digalakkan. Dalam keadaan begini, Kumpulan mempunyai hak untuk tidak menyalah atau mendalami perkara itu atau ambil tindakan lanjut berkenaan laporan, di mana ia tidak dapat dilakukan kerana maklumat yang tidak lengkap atau ketidakmampuan untuk menjelaskan atau sahkan perkara dan isu berkaitan dengan laporan.

7 Penyiasatan & Pemprosesan Laporan

Semua laporan yang mempunyai butiran yang mencukupi dan atau maklumat akan disiasat dengan segera oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit (“JA”). Jika perlu, Pengerusi JA boleh dapatkan bantuan daripada sumber lain dalam Kumpulan. Kemajuan penyiasatan akan dilaporkan kepada JA selewat-lewatnya pada mesyuarat yang dijadualkan seterusnya.

Setelah penyiasatan selesai, tindakan sewajarnya akan dicadangkan kepada JA untuk dipertimbangkan. Sesudah itu, setelah penyelesaian dan pemuktamadan pertimbangan perkara tersebut, JA akan membuat pengesyoran kepada Lembaga untuk pelaksanaan.

Semua laporan yang diterima akan dipertimbangkan dan ditangani dengan segera, berhati-hati, teliti, dan profesional. Jika pemberi maklumat meminta kerahsiaan dikekalkan, Kumpulan akan berusaha untuk kekalkan kerahsiaan. Perbincangan dan dokumentasi berkenaan laporan akan dikekalkan kerahsiaan sewajarnya. Jika diminta, langkah-langkah yang diambil untuk menangani laporan dan hasil sebarang tindakan yang dimulakan boleh disampaikan kepada pemberi maklumat setakat ia wajar untuk berbuat demikian.

8 Penyerahan Laporan

JA akan melantik Pegawai Pemantau (“PP”) yang akan menyusun rekod semua kekhawatiran yang dibangkitkan oleh pemberi-pemberi maklumat. PP akan mengeluarkan laporan tahunan kepada JA yang akan mengandungi rumusan kekhawatiran yang dibangkitkan, bahagian mana berkaitan, jawatan yang berkaitan dengan kekhawatiran (kecuali terdapat kerahsiaan), keputusan penyiasatan relevan dan keputusan lembaga tentang perkara tersebut. Laporan tidak akan mengandungi nama mana-mana pekerja.

Matlamat laporan adalah untuk memastikan bahawa:

- bahagian yang relevan belajar dari kesilapan yang mengakibatkan salah laku dan tidak ulang kesalahan itu; dan
- Terdapat pendekatan konsisten di keseluruhan Kumpulan.

Selain ahli JA dan PP, rekod boleh dilihat oleh mana-mana pihak setelah mendapat kebenaran daripada JA.

9 Mengambil Tahu dan Mempunyai Peluang Untuk Membela Diri

Pemberi maklumat dan individu yang didakwa bersalah dijangka untuk memberi kerjasama sepenuhnya dalam sebarang penyiasatan atau mana-mana proses lain yang dijalankan menurut Dasar ini.

Orang yang didakwa bersalah mungkin diminta menghadiri mesyuarat untuk membincangkan tuduhan dan harus ambil langkah sewajarnya untuk menghadiri mesyuarat. Hadirin mesyuarat yang lain akan ditentukan oleh Pengerusi JA. Orang yang didakwa bersalah akan diberi peluang untuk menjawab pertuduhan di mesyuarat, dan jawapan mereka akan direkodkan dalam minit mesyuarat. Mesyuarat mungkin ditangguhkan untuk Kumpulan mendapatkan nasihat atau teruskan penyiasatan lanjut. Mesyuarat mungkin tidak diadakan pada peringkat awal penyiasatan.

Sekiranya pemberi maklumat terbabit atau didapati pernah terbabit dalam sebarang salah laku, mereka mungkin disiasat demi melengkapkan proses pencarian fakta. Penyiasatan tidak, dan tidak akan, dianggap sebagai tindak balas terhadap pemberi maklumat. Ia bertujuan untuk membantu membuat keputusan. Pemberi maklumat mungkin diminta menghadiri mesyuarat untuk membincangkan pertuduhan dan harus ambil langkah sewajarnya untuk menghadiri mesyuarat. Hadirin mesyuarat yang lain akan ditentukan oleh Pengerusi JA. Pemberi maklumat akan diberi peluang untuk menjawab pertuduhan di mesyuarat, dan jawapan mereka akan direkodkan dalam minit mesyuarat. Mesyuarat mungkin ditangguhkan untuk Kumpulan mendapatkan nasihat atau teruskan penyiasatan lanjut.

Pemberi maklumat dan, jika berkaitan, orang yang didakwa bersalah akan diberitahu dalam bentuk bertulis tentang keputusan salah laku (cth. sama ada salah laku berlaku atau tidak; atau sama ada orang yang didakwa bersalah didapati bersalah atau tidak), dan asas keputusan.

10 Cara Perlakuan/Perbincangan Penyiasatan

- (a) Tiada maklumat berkaitan status penyiasatan akan didedahkan. Jawapan yang wajar kepada sebarang pertanyaan adalah: "Saya tidak boleh membincangkan perkara ini"
- (b) Tiada keadaan yang membolehkan rujukan kepada "tuduhan," "penjenayah," "penipuan," "pemalsuan," "penggelapan," atau rujukan khusus yang lain.
- (c) Pemberi maklumat harus dimaklumkan tentang yang berikut:
 - Jangan hubungi individu yang disyaki dalam usaha untuk menentukan fakta atau minta restitusi; dan
 - Jangan bincangkan kes, fakta, rasa syak, atau tuduhan dengan sesiapa kecuali diberitahu secara khusus oleh JA.
- (d) Dalam keadaan di mana pemberi maklumat membuat keputusan untuk membangkitkan kekhawatiran sama kepada mana-mana penguat kuasa cth.: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, dll, Kumpulan mempunyai hak mutlak untuk hentikan penyiasatan dan nantikan keputusan penyiasatan oleh pihak berkuasa yang relevan. Dalam

keadaan begini, pemberi maklumat harus maklumkan kepada Pengerusi JA bahawa dia telah bangkitkan kekhawatiran yang sama kepada penguat kuasa dan nyatakan pihak berkuasa tersebut.

11 Perlindungan Pemberi Maklumat

Kumpulan tidak akan memecat, kenakan tindakan disiplin, turunkan pangkat, gantung kerja, ugut atau mendiskriminasikan dalam apa jua cara individu yang membuat pendedahan dengan suci hati, atau membantu Jawatankuasa Audit, Pengurusan atau mana-mana individu lain dalam penyiasatan pendedahan.

Tindakan balas terhadap mana-mana pekerja yang membuat laporan atau menyuarakan kekhawatiran bawah Dasar ini dihalang langsung. Mana-mana pekerja Kumpulan, termasuk Pengerusi Kanan, Pengurusan dan Pengarah yang terlibat dalam tindakan balas mungkin dikenakan tindakan disiplin. Tambahan lagi, Kumpulan tidak akan mentoleransi sebarang usaha mana-mana individu atau kumpulan, untuk mengenal pasti identiti mana-mana individu yang membuat pertuduhan dengan suci hati secara rahsia. Mana-mana pekerja, yang dengan suci hati, percaya bahawa dia menjadi mangsa tingkah laku yang melanggar Dasar ini harus melaporkan tingkah laku tersebut kepada JA.

Sungguhpun begitu, penyiasatan menelan belanja yang besar, memakan masa dan merupakan proses yang berpotensi merosakkan. Oleh itu, mana-mana pekerja yang dengan sengaja membuat laporan memperdaya atau palsu tidak akan dipertimbangkan untuk menerima perlindungan bawah Dasar ini dan mungkin tertakluk kepada tindakan disiplin yang ditentukan oleh Kumpulan.

Selanjutnya dan dengan syarat laporan itu dibuat dengan suci hati, Kumpulan akan ambil langkah munasabah berpatutan untuk memastikan bahawa pemberi maklumat akan, berkaitan dengan laporan, dilindungi daripada:

- Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kerugian atau kerosakan kepada pemberi maklumat;
- Intimidasi dan gangguan;
- Campur tangan yang menyalahi undang-undang berkenaan pekerjaan pemberi maklumat; dan
- Ancaman tindakan di atas.

Di mana perlu dan atas budi bicara Kumpulan, perlindungan yang disebut di atas boleh diperluaskan kepada mana-mana individu yang mempunyai hubungan atau bersekutu dengan pemberi maklumat.

12 Akibat Pendedahan Salah

Jika pemberi maklumat adalah pekerja Kumpulan dan telah atau didapati telah:

- melakukan salah laku;
- mengambil risiko serius yang mungkin menyebabkan salah laku dilakukan;
- membuat pendedahan yang tidak memenuhi keperluan Dasar ini (contohnya, tidak jujur, jahat atau berniat jahat); atau

- mengambil bahagian atau membantu mana-mana proses menurut Dasar ini selain dengan suci hati;

tindakan pembetulan yang akan diambil terhadap individu tersebut akan ditentukan oleh Lembaga berdasarkan pengesyoran JA yang mungkin termasuk tindakan disiplin, amaran rasmi atau teguran, penurunan pangkat, gantung kerja atau pemberhentian kerja atau perkhidmatan dengan Kumpulan atau tindakan monetari atau lain-lain bentuk hukuman.

Lampiran I**Laporan Penjejakan Pemberi
Maklumat**

Tarikh Maklumat Diterima	Nombor Rujukkan	Identiti Pengadu	Penjelasan Ringkas Tentang Kekhuatiran	Individu Melakukan Penyiasatan	Keputusan Penyiasatan & Tindakan Diambil